



Bahasa Melayu

PELUANG PEKERJAAN DALAM KERAJAAN WESTERN AUSTRALIA

jobs.wa.gov.au merupakan pintu gerbang anda kepada maklumat mengenai peluang pekerjaan dalam Kerajaan Western Australia, majikan yang terbesar di negeri ini.

Siapapun dapat memohon untuk pekerjaan yang diiklankan di jobs.wa.gov.au kecuali jika disebutkan sebaliknya dalam iklan. Pemilihan untuk pekerjaan adalah berdasarkan kemahiran, pengetahuan dan kebolehan serta keperluan tertentu untuk jawatan yang berkenaan.

Kerajaan Western Australian memerlukan tenaga kerja yang melambangkan masyarakat supaya dapat memberi perkhidmatan yang paling bermutu. Oleh demikian, orang dari latar belakang budaya yang beraneka ragam, orang bumiputera dan orang yang kurang berupaya digalakkan memohon untuk pekerjaan.

Kewarganegaraan atau status penduduk tetap di Australia merupakan keperluan wajib untuk jawatan tetap dalam sektor awam.

Penduduk tidak tetap yang mempunyai visa yang sesuai layak untuk pekerjaan jangka tetap sahaja.

PAPAN PEKERJAAN KERAJAAN WA

Anda dapat melakukan pencarian pada Papan Pekerjaan Kerajaan WA (WA Government Job Board) dengan beberapa cara.

PETUA PENCARIAN PAPAN PEKERJAAN

Melihat Semua Lowongan

- Jangan membuat pilihan, kemudian *KLIK* 'Search' (Cari) dengan tetikus.

Lihat Lowongan Berdasarkan Keutamaan

- Anda dapat mencari lowongan menurut pekerjaan, gaji, tempat/kawasan, agensi, jenis pekerjaan atau taraf klasifikasi.

PERHATIAN: untuk membuat beberapa pilihan dalam kotak yang sama, tetap tekan butang *CTRL* pada papan kekunci komputer anda sambil membuat pilihan dengan tetikus, kemudian *KLIK* 'Search'.

Lihat Pekerjaan Terbaru

- *KLIK* 'View Latest Jobs' (Lihat Pekerjaan Terbaru) pada menu menegak pada sebelah kiri.

DAFTARKAN DIRI UNTUK MENERIMA PEMBERITAHUAN LOWONGAN MELALUI E-MEL

Anda dapat memilih untuk menerima e-mel yang memberitahu anda tentang lowongan yang diiklankan yang sepadan dengan profil pencarian anda. *KLIK* pada 'Email me Jobs' (E-mel pekerjaan kepada saya) pada menu menegak pada sebelah kiri, masukkan butir-butir anda dan ikutilah arahan untuk pendaftaran. Kemudian anda akan dikirim e-mel dengan kata laluan yang dapat anda gunakan untuk log masuk bagi mencipta profil pencarian pekerjaan anda.

Mencipta Profil Pencarian Pekerjaan Anda Sendiri

- *KLIK* 'Login' (Log masuk), masukkan e-mel dan kata laluan anda.
- Kemudian, *KLIK* 'My Details' (Butir-butir saya).
- Kemudian, *KLIK* 'My Search Profile' (Profil Pencarian Saya) dan gunakan butang *CTRL* untuk membuat pelbagai pilihan atau pilih semua medan untuk menerima semua lowongan yang diiklankan, kemudian pilih "Yes" (Ya) atau "No" (Tidak) untuk 'Email me Jobs', kemudian *KLIK* 'Save Profile' (Simpan Profil).

Anda dapat mengubah profil pencarian pekerjaan anda pada bila-bila masa dengan log masuk kembali ke Papan Pekerjaan Kerajaan WA sahaja.